

22/01/2000

Singapura serahkan Malaysia tetap tarikh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Singapura menyerahkan kepada Malaysia untuk menetapkan tarikh rundingan selanjutnya bagi menyelesaikan isu pengeluaran simpanan pekerja negara ini daripada Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF).

Menurut kenyataan Suruhanjaya Tinggi Singapura hari ini, republik itu masih menunggu makluman mengenai tarikh rundingan itu kerana Kuala Lumpur dijadualkan menjadi tuan rumah mesyuarat CPF seterusnya.

Kenyataan itu menerangkan latar belakang isu CPF yang dibincangkan Timbalan Pesuruhjaya Tingginya, Chin Hock Seng, dengan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak, semalam.

Wang simpanan pekerja Malaysia dalam CPF Singapura bernilai kira-kira RM3 bilion. Dalam pertemuan itu, Zainal menyerahkan cadangan penyelesaian isu berkenaan untuk dipertimbangkan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong.

Dalam pertemuan itu, Chin menjelaskan bahawa dalam rundingan di Hanoi pada 17 Disember 1998, Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersetuju memasukkan isu CPF sebagai sebahagian pakej isu dua hala yang akan diselesaikan serentak.

Beliau berkata, rundingan selanjutnya mengenai CPF akan diadakan di Malaysia, tetapi pegawai Malaysia belum menetapkan tarikh untuk rundingan isu berkenaan.

Lima isu dalam pakej itu ialah kemudahan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) Malaysia di stesen kereta api, Tanjong Pagar, Singapura; Central Limit Order Book (Clob); permintaan Singapura supaya diadakan perjanjian baru bekalan air; penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan permintaan Malaysia supaya warganya di Semenanjung dibenarkan mengeluarkan wang simpanan daripada CPF Singapura.

Chin juga berkata, oleh kerana pendekatan lalu membincangkan lima isu itu secara berasingan tidak mendatangkan hasil, Goh menerima cadangan Dr Mahathir supaya ia diselesaikan secara satu pakej oleh pegawai kanan kedua-dua negara.

Menurut kenyataan itu, perbezaan prosedur mengeluarkan wang CPF antara warga Semenanjung dengan rakyat Malaysia dari Sabah dan Sarawak tidak bertujuan melakukan diskriminasi.

Laporan semalam menyatakan, kira-kira 60,000 pekerja dari Semenanjung yang berhenti bekerja di Singapura terpaksa menunggu sehingga berumur lebih 50 tahun sebelum boleh mengeluarkan simpanan daripada CPF.

Cuma, anehnya pekerja Malaysia dari Sabah dan Sarawak boleh mengeluarkan simpanan CPF sebaik tamat perkhidmatan dan meninggalkan Singapura.

Menjelaskan perkara ini, suruhanjaya berkenaan menyatakan: "Syarat pengeluaran wang CPF bagi pekerja dari Semenanjung berbeza dengan pekerja dari Sabah serta Sarawak dan orang asing, kerana hubungan rapat dari segi sejarah dan kedekatan geografi Semenanjung dengan Singapura.

"Ramai pekerja sering berulang-alik dari Semenanjung Malaysia dengan Singapura. Berbeza dengan warga asing, mereka sering kembali ke Singapura untuk bekerja selepas tempoh tertentu.

"Warga Malaysia Timur dan rakyat negara asing jarang berbuat demikian. Jadi, syarat pengeluaran daripada CPF dilonggarkan untuk mereka, yang tidak diberi keistimewaan seperti pekerja Semenanjung," katanya.

(END)